

SULIT

3756/2

3756/2

PRINSIP

PERAKAUNAN

KERTAS 2

2 ½ JAM

NO KAD PENGENALAN

							-			-				
--	--	--	--	--	--	--	---	--	--	---	--	--	--	--

Nama Murid :

Tingkatan :



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)
(CAWANGAN KELANTAN)**

**MODUL KOLEKSI ITEM
PERCUBAAN SPM
2026**

**PRINSIP PERAKAUNAN
KERTAS 2**

MASA : DUA JAM TIGA PULUH MINIT


ARAHAN:

1. Kertas ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di **Bahagian A** dan **dua** soalan daripada **Bahagian B**.
3. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.
4. Jika anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baharu.
5. **Tunjukkan kerja mengira**. Ini membantu anda mendapatkan markah.
6. Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baharu.
7. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik

Kertas ini mengandungi **16** halaman bercetak

BAHAGIAN A**[60 markah]***Jawab semua soalan daripada bahagian ini*

- 1 (a) Teliti rajah berikut. Apakah P dan Q.

**[2 markah]**

- (b) Menjual barang niaga secara kredit berkos RM1 800 dengan harga RM2 160.

Apakah kesan urus niaga berkenaan terhadap persamaan perakaunan berikut?

Inventori	Akaun Belum Terima

[2 markah]

- (c) Nyatakan kedudukan baki akaun berikut dalam Imbangan Duga Terselaras.

- i) Jualan belum terperoleh
- ii) Hutang lapuk

[2 markah]

- (d) Syarikat Teja Berhad telah menerbitkan syer seperti maklumat dibawah. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Jenis Syer	Kuantiti (Unit)	Harga Sesyer (RM)
8% Syer Keutamaan	700 000	1.50
Syer Biasa	500 000	1.00

Hitungkan dividen Syer Keutamaan.

[2 markah]

- (e) Nyatakan komponen kos pengeluaran tersebut bagi Kilang Kerepek Pisang Wangi

i) Cap dagangan

ii) Pisang

[2 markah]



- 2 Kelab Fotografi menawarkan perkhidmatan pakej sesi fotografi dan jualan foto untuk menambah dana kelab.

Berikut ialah baki-baki aset dan liabiliti pada 1 Jan 2025.

	RM
Studio fotografi	312 000
Kelengkapan Fotografi	34 000
Bank	15 000
Inventori fotografi	3 200
Yuran ahli belum terima	1 920
Yuran ahli belum terperoleh	1 550
Simpanan tetap	15 000
Akaun Belum Bayar	2 400
Insurans prabayar	300
Susut nilai terkumpul kelengkapan fotografi	15 300
Dana terkumpul	362 170

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 (Petikan)

	RM		RM
Penerimaan		Pembayaran	
Baki b/b	15 000	Belanja pertandingan fotografi	2 910
Yuran Ahli	17 450	Upah jurufoto	35 000
Yuran masuk	580	Ubahsuai studio	15 630
Yuran pertandingan fotografi	6 900	Belian bahan foto	5 470
Jualan foto	15 800	Kadar bayaran	2 690
Derma (ubahsuai studio)	15 630	Insurans	1 800
Perkhidmatan fotografi	81 225	Akaun Belum Bayar	10 745
Faedah simpanan tetap	750	Gaji pengurus	18 400

Penyata Kewangan Pada 31 Disember 2025 (Petikan)

	RM		RM
Studio	312 000	Dana terkumpul	?
Kelengkapan fotografi	38 500	Akaun Belum Bayar	?
Inventori fotografi	4 670	Yuran ahli belum terperoleh	1 350
Yuran ahli belum terima	1 450		
Simpanan tetap	15 000		
Bank	60 690		

Maklumat tambahan :

- Deposit 30% telah di bayar untuk tempahan perkhidmatan sesi fotografi dari seorang pelanggan untuk pakej berharga RM3 000 bagi sesi Februari 2026.
- Pada 3 Mei 2025, seorang ahli telah menyumbangkan sebuah kamera RM4 500 untuk kegunaan kelab. Susut nilai kelengkapan fotografi 15% atas garis lurus.
- Jumlah belian kredit RM 12 540.

Anda dikehendaki menyediakan:

- Akaun Yuran Ahli [3 markah]
- Akaun Kawalan Belum Bayar [3 markah]
- Akaun Perdagangan Fotografi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [4 markah]
- Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Disember 2025 [6 markah]
- Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025 [9 markah]



- 3 Aqil Najmi menjalankan perniagaan milikan tunggal Aqil Enterprise. Imbangan Duga pada 31 Disember 2025 adalah seperti berikut:

Aqil Enterprise
Imbangan Duga pada 31 Disember 2025

	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan (Kos)	45 000	
Alatan pejabat (Kos)	10 000	
Susut nilai terkumpul alatan pejabat		3 600
Bank	22 370	
Tunai	1 800	
Jualan		78 600
Belian	43 000	
Inventori pada 1 Januari 2025	5 600	
Akaun Belum Terima	6 520	
Akaun Belum Bayar		2 600
Komisen		440
Gaji	20 400	
Sewa	5 600	
Utiliti	1 600	
Pinjaman bank		20 000
Faedah atas pinjaman	1 500	
Alat tulis	250	
Ambilan	1 200	
Peruntukan hutang ragu		130
Modal		59 470
	<u>164 840</u>	<u>164 840</u>

Maklumat tambahan:

- (i) Inventori pada 31 Disember 2025.

Jenis produk	Harga kos (RM)	Harga pasaran (RM)
Produk X	4 500	4 800
Produk Y	6 200	6 100
Produk Z	7 700	7 850
Alat tulis	50	-

- (ii) Komisen belum terima RM 250.

- (iii) Susut nilai aset bukan semasa adalah seperti berikut:

Kenderaan dibeli pada 1 Julai 2025, jangkaan usia guna kenderaan adalah lima tahun dengan nilai jualan skrap sebanyak RM4 000.

Alatan pejabat dibeli pada 1 Januari 2023 dan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan.

- (iv) Hutang lapuk RM 520 dihapus kira dan peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 4% atas Akaun Belum Terima.
- (v) Pinjaman bank RM30 000 diterima pada 1 April 2023 untuk tempoh bayaran balik selama 6 tahun. Kadar faedah atas pinjaman bank adalah 5% setahun atas nilai pinjaman asal.
- (vi) Dokumen berikut belum direkodkan dalam buku perniagaan.

Aqil Enterprise
Lot 121, Jalan Baung, Pengkalan Chepa,
16100 Kota Bharu, Kelantan

MEMO

Tarikh: 1 April 2025

Pemilik membawa masuk alatan pejabat RM5 000 untuk kegunaan perniagaan.

Aqil
Pengurus

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2025.

[12 markah]

- (b) Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2025.

[13 markah]

BAHAGIAN B**[40 markah]***Jawab dua soalan daripada bahagian ini*

- 4 a) Encik Akmal dan Puan Rabiatal ialah pekongsi dalam Perkongsian AKRAB yang menjalankan perniagaan menjual peralatan dapur. Baki-baki berikut diperoleh daripada rekod perakaunan perniagaannya pada 30 Jun 2026.

	Debit RM	Kredit RM
Modal pada 1 Julai 2025:		
Akmal		40 000
Rabiatal		20 000
Ambilan:		
Akmal	1 200	
Rabiatal (1 Mac 2026)	1 800	
Untung kasar		76 780
Gaji pekerja	23 500	
Gaji Akmal	7 000	
Angkutan masuk	250	
Angkutan keluar	350	
Komisen diterima		1 570
Sewa	2 000	
Akaun Belum Terima	6 800	
Peruntukan Hutang Ragu		236
Kenderaan	27 000	
Bank	15 600	
Inventori	7 800	

Maklumat Tambahan:

- Sewa RM1 000 masih belum dibayar.
- Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 2% atas Akaun Belum Terima.
- Kenderaan disusutnilaikan pada kadar 20% setahun atas kos.

Ikatan Perkongsian telah menetapkan perkara berikut:

- Ambilan oleh pekongsi dikenakan faedah 5% setahun.
- Faedah atas Modal ialah 10% setahun.
- Gaji setiap pekongsi ditetapkan kepada RM12 000 setahun.
- Untung atau rugi perniagaan dibahagi mengikut nisbah 2:1.

Anda dikehendaki menyediakan:

- i) Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026 [3 markah]
- ii) Akaun Pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2026 [5 markah]
- iii) Akaun Modal Akmal dan Rabiatul (Kaedah Modal Berubah) [8 markah]

b) Maklumat dibawah diperoleh daripada Kedai Zuki Trading pada 30 Jun 2026.

	RM
Modal pada 1 Julai 2025	45 000
Modal pada 30 Jun 2026	65 000
Jualan	54 600
Pulangan Jualan	760
Kos Jualan	27 800
Untung Bersih	21 700

Hitung:

- i) Tokokan [2 markah]
- ii) Pulangan atas modal [2 markah]

- 5 a) Puan Qeesya, pemilik Qeesya Bridal yang menyewakan pelamin untuk majlis perkahwinan. Beliau perlu menyediakan belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2026 bagi membuat pinjaman bank. Pada 1 April 2026, baki-baki akaun beliau adalah seperti berikut:

	RM
Tunai di tangan	1 450
Tunai di bank	16 400
Tunai runcit	350
Akaun Belum Terima	9 500
Inventori	24 700

Berikut merupakan anggaran penerimaan dan pembayaran Qeesya Bridal bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2026.

- i) Anggaran hasil perkhidmatan adalah seperti berikut:

April	Mei	Jun
25 500	38 000	47 600

Hasil perkhidmatan diterima 80% secara tunai dan selebihnya diterima pada bulan berikutnya.

- ii) Anggaran belian tunai barang kelengkapan pelamin pada bulan April ialah RM8 000 dan meningkat 10% untuk bulan berikutnya.

- iii) Perbelanjaan bagi setiap bulan adalah seperti berikut.

	RM
Kadar bayaran	400
Belanja Am	360
Susutnilai kelengkapan pelamin	500
Gaji	2 000

- iv) Pada bulan Mei, perniagaan akan menerima pinjaman berjumlah RM30 000 dengan kadar faedah 5% setahun selama 4 tahun. Bayaran balik pinjaman bermula bulan berikutnya.

Anda dikehendaki menyediakan Penyata Belanjawan Tunai bagi tiga bulan berakhir 30 Jun 2026.

[10 markah]



b) **Buku Tunai Runcit**

Tarikh 2026	Butir	Penerimaan RM	Pembayaran RM	Analisa Pembayaran			
				Alat Tulis RM	Minuman RM	Belanja Pos RM	Pelbagai RM
Julai 1	Baki b/b	50					
	Bank	250					
8	Sampul surat		30			30	
9	Katrij Komputer		50	50			
11	Gula dan Kopi		60		60		
17	Parcel Pos Laju		40			40	
22	Derma		20				20
25	Kertas A4		30	30			
		300	230	80	60	70	20
31	Baki h/b		70				
		300	300				
Ogos 1	Baki b/b	70					
	Bank	230					

Anda dikehendaki menyediakan lejar yang berkaitan bagi analisa pembayaran Buku Tunai Runcit berkenaan (Lejar tidak perlu diimbangkan).

[4 markah]

- 6 Citra Hadiah Enterprise merupakan perniagaan milikan tunggal yang menjalankan perniagaan menjual hadiah dan barangan dekorasi sejak lima tahun yang lepas.

Berikut ialah baki-baki yang diperolehi daripada buku-buku perakaunan pada 1 Mac 2026.

	RM
Tunai	2 400
Bank	53 560
Inventori	32 430
Lengkapan	15 500
Premis	250 000
Akaun Belum Terima :	
Dekor Damai Store	4 500
Kedai Karya Manis	1 250
Akaun Belum Bayar :	
Seri Hantaran Enterprise	8 550

Berikut merupakan urus niaga perniagaan Citra Hadiah Enterprise sepanjang bulan Mac 2026.

Salinan	No. : 3001																														
INVOIS Citra Hadiah Enterprise 18500 Machang, Kelantan																															
Kepada: Dekor Damai Store Jalan Baung, 16100 Kota Bharu, Kelantan	Tarikh: 7 Mac 2026																														
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="width: 5%;">Bil</th> <th style="width: 40%;">Butir</th> <th style="width: 15%;">Kuantiti</th> <th style="width: 15%;">Harga Seunit (RM)</th> <th style="width: 25%;">Jumlah (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="text-align: center;">1</td> <td>Gubahan bunga</td> <td style="text-align: center;">50</td> <td style="text-align: right;">45.00</td> <td style="text-align: right;">2 250.00</td> </tr> <tr> <td style="text-align: center;">2</td> <td>Cermin hiasan</td> <td style="text-align: center;">15</td> <td style="text-align: right;">120.00</td> <td style="text-align: right;">1 800.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4"></td> <td style="text-align: right;">4 050.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">Tolak : Diskaun niaga 10%</td> <td style="text-align: right;">405.00</td> </tr> <tr> <td colspan="4" style="text-align: right;">JUMLAH</td> <td style="text-align: right;">3 645.00</td> </tr> </tbody> </table>		Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)	1	Gubahan bunga	50	45.00	2 250.00	2	Cermin hiasan	15	120.00	1 800.00					4 050.00	Tolak : Diskaun niaga 10%				405.00	JUMLAH				3 645.00
Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)																											
1	Gubahan bunga	50	45.00	2 250.00																											
2	Cermin hiasan	15	120.00	1 800.00																											
				4 050.00																											
Tolak : Diskaun niaga 10%				405.00																											
JUMLAH				3 645.00																											
Ringgit Malaysia : Tiga ribu enam ratus empat puluh lima sahaja. Diskaun tunai : 5% 15 hari, 2% 30 hari Angkutan dibayar K&K di K																															
<u>Siti</u> Penerima	<u>Fifi</u> Pengurus																														

Dokumen 1

Asal

No. : 5332

INVOIS

Seri Hantaran Enterprise
15400 Kota Bharu, Kelantan

Kepada:
Citra Hadiah Enterprise
18500 Machang, Kelantan

Tarikh: 10 Mac 2026

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Pasu Bunga	80	35.00	2 800.00
2	Cermin hiasan	80	60.00	4 800.00
				7 600.00
Tolak : Diskaun niaga 10%				760.00
JUMLAH				6 840.00

Ringgit Malaysia : Enam ribu lapan ratus empat puluh sahaja.

Diskaun tunai : 10% 15 hari, 5% 30 hari

Angkutan dibayar

K&K di K

Fifi

Penerima

Seri

Pengurus

Dokumen 2

MEMO

Citra Hadiah Enterprise
18500 Machang, Kelantan

Kepada : Pengurus Akaun
Daripada: Fifi Amanda, Pengarah Urusan

Tarikh: 12 Mac 2026

Baki hutang Kedai Karya Manis dianggap sebagai hutang lapuk.

Fifi

Pengurus

Dokumen 3



Asal

No. : 0001

RESIT RASMI

Seri Hantaran Enterprise
15400, Kota Bharu, Kelantan

Tarikh: 12 Mac 2026

Diterima daripada : Citra Hadiah EnterpriseRinggit Malaysia : Lapan Ribu Empat Ratus Sahaja.Bayaran untuk : Menjelaskan sepenuhnya baki hutang pada 1 Mac 2026.RM8 400

Tunai / Cek : MBB 156435

Fifi
Pengurus

Dokumen 4

Asal

No. : 0765

NOTA KREDIT

Seri Hantaran Enterprise
15400, Kota Bharu, Kelantan

Kepada:

Tarikh: 17 Mac 2026

Citra Hadiah Enterprise
18500 Machang, Kelantan

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Cermin hiasan	5	60.00	300.00
				300.00
	Tolak : Diskaun niaga 10%			30.00
	JUMLAH			270.00

(Ringgit Malaysia : Dua Ratus Tujuh Puluh Sahaja.)

Didi
Pengurus

Dokumen 5

Salinan

No. : 0032

BIL TUNAI
Citra Hadiah Enterprise
18500 Machang, Kelantan

Kepada:
City One Collection
Jalan Gajah Mati, Kota Bharu, Kelantan

Tarikh: 18 Mac 2026

Bil	Butir	Kuantiti	Harga Seunit (RM)	Jumlah (RM)
1	Pasu bunga	16	70	1 120.00
2	Cermin hiasan	20	120	2 400.00
3	Gubahan bunga	10	45	450.00
				3 970.00
Tolak : Diskaun niaga 10%				397.00
JUMLAH				3 573.00

(Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Lima Ratus Tujuh Puluh Tiga Sahaja.)

Fifi
Pengurus

Dokumen 6

BAUCER PEMBAYARAN

Citra Hadiah Enterprise
18500 Machang, Kelantan

Tarikh: 25 Mac 2025

Kepada : Cik Intan

Keterangan	RM
Bayaran gaji bulan Mac 2026	1 800

Ringgit Malaysia : Satu Ribu Lapan Ratus sahaja.

Tunai / No. Cek : MBB156436

Fifi
Pengurus

Dokumen 7

MILAN BANK BERHAD

Date : 28 Mac 2026

ATM ID : 752

Time : 09:45

Trace No : 97235

Trans Type : CASH DEPOSIT / PAYMENT

Amount : RM3 000.00

Funds Avail : RM55 456.00

A/C Bal : RM56 556.00

Trans Status : ACCEPTED

Resp Code : 2032

To A/C No : 49-956-010045-7

****WITHOUT PREJUDICE****

(Your data privacy is important to us. Please view our Privacy Notice at www.milanbank.com.my for details)

Dokumen 8

Berdasarkan dokumen dan maklumat yang diberi, anda dikehendaki

(a) Menyediakan yang berikut :

- (i) Jurnal Am
- (ii) Jurnal Khas
- (iii) Buku Tunai

[4 markah]

[6 markah]

[8 markah]

(b) Mengira jumlah yang perlu dibayar kepada Seri Hantaran Enterprise jika Invoice No: 5332 dijelaskan pada 30 Mac 2026.

[2 markah]

----- **KERTAS TAMAT** -----